

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**JTW 261 – PRINSIP KEWANGAN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Keseluruhan soalan diperuntukkan 100 markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

**Jawab LIMA (5) daripada ENAM (6) soalan di bawah.**

**SOALAN 1 (20 markah)**

- (a) Anda telah diberi 2 pilihan polisi pelaburan;

Polisi A: Anda akan menerima pembayaran ansuran tahunan sebanyak RM10,000 bermula 35 tahun daripada sekarang selama 10 tahun.

Polisi B: Anda akan menerima jumlah penuh sebanyak RM100,000 dalam tempoh 40 tahun daripada sekarang.

Andaikan kadar faedah ialah 6 peratus. Polisi manakah yang akan anda pilih?

(10 markah)

- (b) Kira nilai kini (*present value*) bagi RM5,800 yang diterima pada akhir tahun 1, RM6,400 pada akhir tahun 2 dan RM8,700 pada akhir tahun 3. Andaikan kos melepas (*opportunity cost*) ialah 13 peratus.

(10 markah)

**SOALAN 2 (20 markah)**

- (a) Andaikan kadar bebas risiko (*risk free rate*) ialah 8 peratus dan pulangan pasaran (*market return*) ialah 12 peratus, manakala beta bagi saham tersebut ialah 1.5. Berapakah pulangan yang dikehendaki bagi saham tersebut?

(10 markah)

- (b) En. Ibrahim bercadang melabur dalam projek yang beta ialah 1.75. Apa yang patut anda cadangkan kepada beliau jika pelaburan tersebut menjanjikan 11.5 peratus pulangan sedangkan kadar bebas risiko (*risk free rate*) ialah 5.5 peratus dan kadar pulangan pasaran (*market return*) ialah 8.5 peratus?

(10 markah)

**SOALAN 3 (20 markah)**

- (a) Bagi tujuan membesarkan perniagaan, Raul Industries ingin mengeluarkan bon dengan nilai par RM1,000, kadar kupon (*coupon rate*) ialah 10 peratus dan akan matang dalam tempoh 10 tahun daripada sekarang. Apakah harga pasaran bon tersebut jika kadar pulangan yang dikehendaki ialah;

(i) 8 peratus, (4 markah)

(ii) 10 peratus dan (4 markah)

(iii) 12 peratus (4 markah)

- (b) Fancy Food Berhad, telah mengeluarkan bon dengan nilai par RM1,000, dengan kadar kupon (*coupon rate*) 9 peratus yang dibayar 2 kali setahun dan akan matang dalam tempoh 10 tahun. Apakah nilai bon jika kadar pulangan ialah 12 peratus?

(8 markah)

**SOALAN 4 (20 markah)**

- (a) Syarikat Farhana Berhad telah mengekalkan pembayaran dividen pada kadar RM2.50 setiap tahun. Berapakah harga saham syarikat tersebut jika kadar pulangan ialah 8.5 peratus?

(10 markah)

- (b) Manakala bagi Syarikat Farhani Berhad pula, kadar dividen yang dibayar meningkat dan bertumbuh setiap tahun pada kadar 4 peratus. Kadar dividen tahun lepas ialah RM3.25 dengan kadar pulangan ialah 9 peratus. Jadi berapakah harga saham syarikat tersebut?

(10 markah)

**SOALAN 5 (20 markah)**

North Corridor Berhad telah mempunyai maklumat berkenaan tentang kadar semasa kos bagi pembiayaan perniagaan-seperti kadar pinjaman jangka panjang, saham terpilih dan saham biasa

Sumber Modal	Kos	Julat Pinjaman (RM)
pinjaman jangka panjang	7%	0 - 2,000,000
<i>(long term debt)</i>	8	2,000,001 - 3,000,000
	10	3,000,001 dan ke atas
saham keutamaan	19%	0 - 960,000
<i>(preferred stock)</i>	21	960,001 dan keatas
saham biasa	20%	0 - 700,000
<i>(common stock)</i>	24	700,001 - 1,600,000
	26	1,600,001 - 2,200,000
	30	2,200,001 dan ke atas

Firma menjangkakan ada RM350,000 dalam akaun pendapatan tertahan (*retained earning*) pada tahun hadapan dengan kos 20 peratus jika kesemua pendapatan tertahan digunakan maka firma akan menerbitkan saham baru.

Komposisi struktur modal yang akan digunakan dalam pengiraan adalah seperti berikut;

Sumber Modal	Sasaran Struktur Modal
pinjaman jangka panjang	0.25
saham keutamaan	0.25
saham biasa	0.50

- (a) Berdasarkan dua jadual di atas, kira kos modal (*cost of capital*) bagi firma tersebut apabila semua pendapatan tertahan (*retained earning*) telah digunakan.

(5 markah)

- (b) Kira kos modal (*cost of capital*) bagi jumlah pinjaman baru sebanyak RM2,000,000.

(5 markah)

- (c) Berdasarkan maklumat di bawah tentang peluang pelaburan, tentukan projek manakah yang harus dipilih.

Peluang Pelaburan	Pelaburan Awal	Kadar pulangan dalaman %
A	400,000	22
B	500,000	21
C	400,000	19
D	400,000	17
E	600,000	16
F	700,000	16

(5 markah)

- (d) Syarikat sedang mempertimbangkan projek pelaburan pada tahun hadapan, kadar pulangan dalaman (*internal rate of return*) ialah 14 peratus. Jika firma mempunyai sasaran struktur modal (*target capital structure*) dan kos seperti di bawah, apakah keputusan firma?

Sumber Modal	Pecahan Sasaran	Kos selepas cukai
Pinjaman jangka panjang	0.40	10%
Stok Keutamaan	0.10	15%
Saham Biasa	0.50	20%

(5 markah)

**SOALAN 6 (20 markah)**

KJ Mining Corporation cuba mengambilalih Temas Mining Berhad. Di bawah ialah maklumat kewangan bagi kedua-dua syarikat;

Item	KJ Mining	Temas Mining
Perolehan untuk pemegang saham	RM10,000,000	RM1,000,000
Bilangan Saham	1,000,000	50,000
Harga pasaran sesaham	RM100	RM120

KJ Mining tidak akan mengeluarkan saham baru bagi tujuan mengambilalih syarikat Temas Mining tersebut.

- (a) Kira perolehan sesaham (EPS) bagi kedua-dua syarikat sebelum bergabung (*merger*).  
(4 markah)
- (b) Jika nisbah tukaran (*ratio of exchange*) ialah 1.8, apakah perolehan sesaham (EPS) bagi syarikat itu apabila ia telah bergabung (*merger*)?  
(4 markah)
- (c) Kira perolehan sesaham (EPS) jika nisbah tukaran (*ratio of exchange*) ialah 2.0 bagi syarikat itu apabila ia telah bergabung (*merger*).  
(4 markah)
- (d) Kira perolehan sesaham (EPS) jika nisbah tukaran (*ratio of exchange*) ialah 2.2 bagi syarikat itu apabila ia telah bergabung (*merger*).  
(4 markah)
- (e) Berdasarkan maklumat di atas, terangkan apa yang telah berlaku.  
(4 markah)

